

SKEMA PEMARKAHAN UP2

BAHAGIAN A

1	B	6	B	11	C
2	D	7	C	12	D
3	A	8	C	13	D
4	B	9	A	14	A
5	B	10	D	15	B

BAHAGIAN B

1. Tiga ciri keluhuran perlembagaan
 - i. Mengatasi kuasa YDPA, Parlimen, Jemaah Menteri dan mahkamah
 - ii. Semua undang-undang yang bercanggah terbatal
 - iii. Undang-undang negeri mesti selaras dengan perlembagaan
 - iv. Mahkamah ada kuasa membatalkan akta bercanggah perlembagaan
 - v. Mahkamah berkuasa menentukan kesahihan undang-undang

(Mana-mana 3) 1 X 3 markah

2. a) Dua tugas UPE
 - i. Merancang pembangunan ekonomi negara
 - ii. Menyediakan rancangan pembangunan lima tahun
 - iii. Memeriksa belanjawan pembangunan tahunan
 - iv. Mengurus bantuan teknikal dan kewangan untuk negara
 - v. Menyelaraskan pelbagai projek pembangunan negara
 - vi. Menganalisis kedudukan ekonomi negara
 - vii. Memberi khidmat nasihat kepada kerajaan berkenaan ekonomi
 - viii. Menjalankan penyelidikan sosia dan ekonomi

(Mana-mana 2)

- b) Dua bidang kuasa SUHAKAM
 - i. Menasihata kerajaan dan pihak berkuasa mengenai aduan dan tindakan yang perlu diambil.
 - ii. Mengkaji dan menentukan kesahan pelanggaran hak asasi manusia
 - iii. Mengeluarkan pernyataan awam tentang hak asasi manusia jika perlu
 - iv. Melakukan penyelidikan dan mengedarkan hasilnya untuk memupuk kesedaran
 - v. Memastikan aktiviri berkaitan hak asasi manusia mematuhi undang-undang bertulis

(mana-mana 2)

3. a) X dan fungsi

I. Majlis Raja-raja

Membicarakan dasar-dasar negara berkenaan beberapa perkara (Hak keistimewaan, perubahan sempadan negeri, kewarganegaraan, penetapan tarikh upacara Islam, taraf Bahasa Melayu)

II. Majlis Tanah Negara

Membentuk dan mentadbir dasar berhubung penggunaan tanah dan memastikan ada pengawalan.

III. Majlis Kewangan Negara

Mentadbir hal ehwal kewangan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri seperti jumlah peruntukan, jumlah pinjaman serta rancangan kemajuan.

IV. Majlis Negara bagi Kerajaan tempatan

Penyelarasan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan tempatan dari segi pembentukan dasar, pelaksanaan projek dan undang-undang.

(mana-mana 1 serta fungsinya)

b) Y dan fungsi

I. Majlis Perhutanan Negara

Menggunakan perundingan untuk menyelaraskan dasar, pentadbiran dan pengurusan perhutanan.

II. Majlis Perumahan Negara

Menyelaraskan undang-undang pentadbiran perumahan negara seperti menyediakan rumah PPR dan rumah kos rendah

III. Majlis Sumber Air Negara

Menyelaraskan bekalan air antara semua negeri di Malaysia berikutan wujudnya masalah bekalan air

(mana-mana 1 serta fungsinya)

4. Dua kepentingan tadbir urus negara yang baik

i. Menjadi daya tarikan bagi pelaburan dalaman dan luaran

ii. Mengukuhkan kebolehpercayaan rakyat bagi kerajaan yang mereka pilih

iii. Meningkatkan budaya kepimpinan yang sihat

iv. Menyumbang kepada kecekapan pasaran modal

v. Melambangkan kredibiliti kerajaan

(mana-mana 2 berserta huraian yang bersesuaian)

Bahagian C

Soalan 1

Pendahuluan

- Harga barang turut meningkat apabila harga bahan bakar meningkat. Alasan ini sering digunakan oleh pengeluar setiap kali berlaku kenaikan harga bahan bakar. Sebenarnya ada banyak perkara lagi yang menyebabkan harga barangan meningkat.

Bil	Isi/Idea	Huraian
1	Harga Bahan Bakar (Wajib)	<ul style="list-style-type: none">• Proses pengeluaran menggunakan mesin dan memerlukan kos pengangkutan• Semua berkaitan dengan bahan bakar• Kenaikan harga bahan bakar meningkatkan kos.• Bahan bakar semakin berkurangan dan tiada alternative
2	Sikap pengguna	<ul style="list-style-type: none">• Pembelian tanpa perancangan – membeli barang yang tidak perlu• Pembelian panik berikutan khabar angin kenaikan harga barang• Permintaan yang tinggi• Mengamalkan gaya hidup mewah
3	Sikap pengeluar / peniaga	<ul style="list-style-type: none">• Ingin mengaut untung berlebihan• Mendesak kerajaan menaikkan harga barang keperluan apabila berlaku kekurangan sumber• Menyorok barang keperluan• Mengamalkan gaya hidup mewah
4	Peningkatan kos pengeluaran lain selain bahan bakar	<ul style="list-style-type: none">• Harga bahan mentah meningkat kerana kekurangan sumber• Kos upah yang meningkat akibat desakan kesatuan sekerja• Peningkatan kos menyebabkan harga barang naik.

5	Permintaan melebihi pasaran	<ul style="list-style-type: none"> • Menjelang musim-musim perayaan barangan keperluan mendapat permintaan yang tinggi • Penawaran barang adalah tetap • Apabila permintaan melebihi penawaran harga akan cenderung untuk naik.
6	Penguatkuasaan yang lemah	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak berkuasa kekurangan kakitangan untuk membuat pemantauan • Operasi tidak dilakukan sepanjang masa • Berlaku rasuah dikalangan penguatkuasa
7	Harga ditetapkan oleh industri	<ul style="list-style-type: none"> • Industri mempunyai pelbagai alasan untuk menaikkan harga • Alasan stok dibeli pada harga tinggi • Pemborong membekalkan barang pada harga tinggi
8	Kebergantungan kepada barangan import	<ul style="list-style-type: none"> • Negara masaih bergantung kepada barang import • Beberapa barang keperluan utama seperti makanan, ubat-ubatan diimport dari luar negara • Kenaikan harga barangan dipasaran dunia menyebabkan harg barang naikl
9	Sikap orang tengah (pemborong)	<ul style="list-style-type: none"> • Pemborong mengambil kesempatan mengaut keuntungan tinggi • Beli dalam kuantiti yang banyak dan menyimpan stok • Stok berkurangan menyebabkan harga meningkat

Penutup

Kenaikan harga barang bergantung kepada pelbagai sebab. Sebagai pengguna terpulang kepada kita menggunakan hak kita sebagai pengguna. Kita adalah raja dalam pasaran dan harga sebenarnya banyak dipengaruhi oleh pengguna sendiri

Pilihan jawapan

1 + 4 (Idea 1 wajib dan mana-mana 4 idea lain)

Soalan 2

Pendahuluan

- Malaysia sebagai sebuah Negara yang aman dan damai tidak terlepas daripada ancaman jenayah dan anasir-anasir yang cuba mengganggu gugat ketenteraman awam.
- Kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha untuk mengatasi masalah tersebut

Bil	Isi/Idea	Huraian
1	Penguatkuasaan undang-undang	<ul style="list-style-type: none">• Semua agensi yang berkaiatan dengan keselamatan dan keharmonian Negara telah bekerjasama rapat bagi mencegah jenayah seperti polis, RELA, Jabatan Pertahanan Awam, Jabatan Imigresen, Kastam diraja Malaysia, dan lain-lain lagi• Semua agensi bekerjasama dalam membanteras jenayah seperti rompakan, rogol, ragut, kegiatan perlanunan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan lain-lain lagi• Rondaan yang berterusan dan kawalan yang ketat di pintu masuk Negara dapat mengurangkan jenayah tersebut.
2	Penggunaan peralatan yang canggih bagi mengawasi kegiatan jenayah	<ul style="list-style-type: none">• Penggunaan kamera litar tertutup di kawasan yang berisiko tinggi dapat membantu mengesan penjenayah• Penggunaan satelit berkuasa tinggi juga dapat mengesan jenayah yang melakukan rompakan atau pembunuhan dengan segera• Pihak polis dapat bertindak cepat untuk mengatasi masalah tersebut
3	Menanamkan kesedaran dalam kalangan orang awam	<ul style="list-style-type: none">• Kesedaran orang awam juga penting dalam usaha mencegah dan memerangi jenayah• Orang ramai boleh mengambil bahagian dalam program dan aktiviti pencegahan jenayah• Mereka sedar tentang langkah-langkah untuk

		menjaga keselamatan diri, keluarga, dan harta benda mereka. Hal ini dapat mengurangkan peluang dan ruang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah
4	Kempen-kempen pencegahan jenayah	<ul style="list-style-type: none"> • Kempen-kempen pencegahan jenayah hendaklah digiatkan dalam media massa untuk memberi kesedaran dan peringatan kepada ramai tentang pentingnya menjaga keselamatan diri, keluarga, dan harta benda mereka • Kempen-kempen juga boleh diadakan pada peringkat sekolah untuk memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar tentang cara-cara mencegah jenayah dan kesan –kesannya sekiranya mereka terlibat dengan aktiviti jenayah
5	Menggalakkan peranan masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat boleh menubuhkan kelab rukun tetangga untuk menjaga keselamatan kawasan mereka sebagai tambahan kepada rondaan pihak polis • Masyarakat mempunyai tanggungjawab yang besar untuk mencegah jenayah dengan melaporkan aktiviti-aktiviti yang mencurigakan di kawasan mereka pada polis
6	Kerjasama antara kerajaan Malaysia dengan Negara lain	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan hendaklah bekerjasama dan menyeleraskan dengan kerajaan dan organisasi antarabangsa dalam membendung kegiatan jenayah seperti kes-kes penipuan, penyelewengan, pemerdagangan manusia, penyeludupan dan keganasan • Kerjasama yang erat Malaysia dengan Negara-negara lain dapat membendung kegiatan jenayah tersebut dari berleluasa
7	Mengawasi kemasukan warga asing	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat pelancong dan pelajar asing yang menyalahguna pas lawatan dan pas pelajar.

		<p>Program visa telah disalahguna oleh mereka. Mereka terlibat dengan pelbagai jenayah seperti pelacuran dan pengedaran dadah.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masalah pendatang asing tanpa izin (PATI) juga memerlukan pemerhatian serius. Ramai pendatang yang menimbulkan masalah. • Kerajaan melaksanakan operasi 6P.
8	Kerajaan harus memperkasa ekonomi Negara	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan hendaklah memperkasa ekonomi bagi meningkatkan peluangg pekerjaan kepada rakyat Malaysia • Ekonomi Negara yang kukuh dapat mengurangkan kegiatan jenayah • Peluang pekerjaan dapat ditingkatkan dan hal ini dapat mengelakkan mereka terlibat dengan kongsi gelap, pengedaran dadah, meragut, menyamun, merompak, dan sebagainya

Kesimpulan

Semua pihak hendaklah bekerjasama dalam usaha membanteras masalah jenayah yang akan mengancam keselamatan negara.

Pilihan jawapan

5 + 0 (mana-mana 5 idea)

Soalan 3

Pendahuluan

Jerebu yang melanda negara baru-baru ini telah mendatangkan kesan yang buruk sehingga ada daerah yang mengisytiharkan darurat. Jerebu disebabkan oleh zarah-zarah terampai dalam atmosfera.

Bil	Isi/Idea	Huraian
1	A. Punca perbuatan manusia Pembakaran terbuka	<ul style="list-style-type: none">• Pembakaran sisa binaan di tapak pembinaan, jerami di sawah padi dan pokok tanaman di kawasan ladang• Pembakaran terbuka di tapak pelupusan sampah• Pembakaran hutan di negara jiran oleh pengusaha lading
2	Pembakaran bahan api	<ul style="list-style-type: none">• Penggunaan minyak dan gas oleh kenderaan bermotor melepaskan asap dan pelbagai gas lain seperti karbon monoksida, nitrogen dioksida.• Bahan yang terampai di atmosfera mejadai penebat kepada cahaya matahari
3	Penerokaan hutan	<ul style="list-style-type: none">• Kegiatan penebangan hutan untuk membersihkan pokok untuk tapak perindustriaian, kediaman dan pertanian• Bilangan pokok berkurang menyebabkan kadar penyerapan gas karbon semakin berkurang
4	Kegiatan industri perlombongan, kuari dan perkayuan	<ul style="list-style-type: none">• Kilang seperti kilang papan, sawit, melepaskan asap, habuk dan jelaga• Perlombongan dan kuari membebaskan habuk mencemarkan udara• Pembuangan kumbahan ke sungai menyebabkan tumbuhan mati
5	Pembuangan sisa domestik	<ul style="list-style-type: none">• Pembuangan tidak sistematik menjejaskan kualiti alam sekitar• Ini menjadikan habitat di muka bumi terjejas

6	Kegiatan pertanian/peternakan	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan baja kimia menjejaskan air dan hidupan air • Penggunaan racun serangga dan racun rumpai mejejaskan kualiti udara • Pembuangan sisa lading
B. Kesan Jerebu		
1	Menjejaskan kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Gangguan kesihatan berlaku walaupun ada keupayaan manapis debu • Menjejaskan sistem pernafasan • Boleh menyebabkan kematian • Mata berasa pedih dan kulit gatal
2	Ketidaksuburan dan kecacatan bayi	<ul style="list-style-type: none"> • Wanita menjadi tidak subur terdedah kepada bahan kima • Ovari terjejas mempercepatkan menopause • Kromosom rosak menyebabkan kelahiran anak-anak yang cacat
3	Menjejaskan sector pertanian dan perhutanan	<ul style="list-style-type: none"> • Menjejaskan proses fotosintesis • Berlaku fenomena hujan asid • Tumbuhan terbantut dan hasil berkurang
4	Menjejaskan kehidupan akuatik	<ul style="list-style-type: none"> • Menjeaskan hidupan laut dan aktiviti perikanan • Berlaku keana pengurangan cahaya • Plankton mati dan menyebabkan pembiakan ikan terjejas
5	Kesan rumah hijau	<ul style="list-style-type: none"> • Partikel terampai di uadar menyerap haba dan menghalang pembebasan haba ke atmosfera. • Suhu atmosfera akan meingkat

Jerebu disebabkan oleh manusia atau semulajadi. Banyak kesan negative akan berlaku kepada manusia kesan daripada jerebu ini.

Pilihan jawapan

3 + 2 atau 2 + 3 (Faktor + Kesan)